

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2003/2004

September/Oktober 2003

**HMT 502 – Sosiologi dan Komunikasi Bahasa Melayu**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. **Bahagian A** WAJIB dijawab dan jawab mana-mana TIGA soalan di **Bahagian B**.

Tulis nombor 1 hingga 6 berturutan di muka hadapan buku jawapan anda sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

## Bahagian A

Soalan WAJIB dijawab.

1. Soalan [a], [b] DAN [c] menggunakan petikan sistem pertuturan di dalam Data 1a dan 1b yang berikut:-

### Data 1a

- A: Abi lu buat satu paunlah?
- B: Sudah kata mo bikin sele kaya tak, timbang kak Si Cuan punya rumah
- A: Sukat mangkok? Gua ni jam sukat mangkok
- B: Ah... sukat mangkok...
- A: Gua aje, ah...
- B: Ah, yalah berapa mangkok?
- A: Satu mangkok telo macam mangkok ini ... ni mangkok cepe pun bolehlah. Satu mangkok telo, ah sampe sini eh. Sampe sini cakapkan telo tu eh, ah gula lu kasi peno ...
- B: Abi kelapa berapa ... satu kati?
- A: Kelapa satu biji, amek pati pekat-pekat. Kalu mo sapu roti, santan tu kita pake satu cangke bukan, abi kita lebehenkan sikitlah.
- B: Oh ...

*Sumber:* Ong, T.L. (1985: 99)

### Data 1b

ada ujan punya jam kitta ada pasa juga tappi ittu jam pon ada ujan mari # ittu jam worang tarak banya # kallo ujan suda brenti # baru lagi worang ada sikki ramme ittu jam sikki kitta lagi mau juwal sayur # ittu ujan tara brenti # sampe sattu ari po wora tara kitta diyam sajja # kitta lagi kereng ka appa mau tau kitta ta ble cakka punya # lagi kitta po sussa lagi juwal # itu bara po ta ble juwal punya #

*Sumber:* Mashudi (1971: 446)

- [a] Berdasarkan pengetahuan anda mengenai variasi bahasa Melayu, **kenal pasti jenis**, **beri definisi** dan **beri huraian** kedua-dua sistem pertuturan di dalam Data 1a dan Data 1b.

[13 markah]

- [b] Bandingkan dan bezakan mana-mana DUA aspek linguistik kedua-dua sistem pertuturan di dalam Data 1a dan 1b dengan bahasa Melayu moden.

[12 markah]

- [c] Kemukakan SATU faktor linguistik dan DUA faktor bukan linguistik yang mendorong kewujudan kedua-dua variasi di atas di Malaysia.

[15 markah]

## **Bahagian B**

Jawab **TIGA** soalan.

2. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai bincangkan perkara-perkara [a], [b] DAN [c] yang berikut:-

- [a] Kawasan geografi linguistik, pemetaan dan peta dialek, isoglos, kawasan percampuran dialek.

[7 markah]

- [b] Variabel linguistik dan variabel sosiolinguistik.

[6 markah]

- [c] Idea tentang arbitrari yang dikemukakan oleh de Saussure dan Korzybski.

[7 markah]

3. Fasold (1990) mengemukakan empat ciri diglosia luas, iaitu fungsi, perkaitan, *superposed* dan kebinarian. Bincangkan keempat-empat ciri ini dengan mengaitkannya dengan ciri-ciri diglosia klasik yang dikemukakan oleh Ferguson (1959) dan kemukakan contoh-contoh penggunaan bahasa H dan L dalam masyarakat bahasa yang sesuai.

[20 markah]

4. Soalan [a], [b] DAN [c] menggunakan petikan laras di dalam Data 2a, 2b, dan 2c yang berikut:-

**Data 2a**

Fulamak, lagu baru Ramli Sarip mantaplah brader. Dia punya goring sikit punya garing, gua tangkap lentok, gua cakap lu.

Gua pun sama brader. Gua lagu jiwang-jiwang tak mainlah brader, itu untuk kutu cinta aje, bukan aje tangkap boring dan tangkap pilu, tangkap leleh pun ada, gua cakap lu.

*Sumber:* Abdul Halim (1992: 749)

**Data 2b**

Tiada pertikaian bahawa hanya satu salinan sahaja Borang 1 diberikan kepada perayu dan aduan perayu di hadapan Pesuruh Jaya kehakiman Yang Arif ialah responden tidak mematuhi keperluan kaedah 3(2) yang memudaratkan dan mengakibatkan ketidakadilan.

*Sumber:* Hamedy (1997: 101)

**Data 2c**

Maka seketika berperang itu hampir(lah) tewas keci\* itu hampir-hampir dapat. Syahadan adalah pergi memerangnya itu satu panglima namanya Encik Kubu (perahunya gurab\*\* panjangnya lima belas), seketika berperang terbakarlah beranda keci itu. Maka sudah banyak orang-orangnya turun ke sekoci (hendak) undur ke laut.

\*keci – sejenis kapal layar

\*\*gurab – perahu

*Sumber:* Hooker, V.M. (1991: 403)

[a] Kenal pasti jenis laras di dalam data 2a, 2b, dan 2c di atas.  
[4 markah]

[b] Dengan menggunakan contoh daripada data dan pengetahuan anda tentang laras-laras di atas, kemukakan dan huraikan dua ciri linguistik yang membezakan ketiga-tiga laras di atas.  
[6 markah]

[c] Pilih mana-mana dua laras daripada Data 2a, 2b atau 2c dan alihkan laras berkenaan daripada laras yang asal kepada prosa Melayu moden  
[10 markah]

5. Teliti Data 3 berikut dan jawab soalan yang mengikutinya.

Data 3				
Bahasa Austronesia purba	Bahasa Melayu	Bahasa Iban	Bahasa Bidayuh Biatah	Bahasa Selakau
<i>*ka/*ka'en/*ka'i/*pa ngan</i>	makan	makai	man	makan
<i>*(t)elur</i>	telur	telu	turoh	taor
<i>*penuh</i>	penuh	penoh	puno	barisik
<i>*bu'uk/d(ae)(m)but</i>	rambut	buk	ubok	bu'uk
<i>*dangar</i>	dengar	dinga	dingah	dangar

*Sumber: Noriah (2003: 50-51)*

Dengan menggunakan kosa kata dalam Data 3 dan contoh lain yang sesuai, kemukakan dan huraikan faktor-faktor yang mungkin menjadi penyebab perubahan bentuk dan makna kosa kata yang sedemikian dalam Data 3.  
[20 markah]

6. Hubung kaitkan skala solidariti-jarak sosial, status, keformalan, fungsi rujukan dan afektif, dan skala lain yang anda ketahui dengan aspek pengekaln dan pergeseran bahasa dalam konteks yang berbeza dalam sesebuah masyarakat bahasa. Anda perlu mengemukakan contoh satu kumpulan minoriti dan satu lagi majoriti dalam masyarakat bahasa yang anda kenali.  
[20 markah]